

# “PROSES” DALAM AYAT WACANA: REPRESENTASI PENGALAMAN DUNIA PENUTUR<sup>1</sup>

*Idris Aman*  
idrisa@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Abstrak**

Makalah ini bertitik tolak daripada pandangan bahawa manusia bangkit dan mempersembahkan pengalaman dunia mereka melalui bahasa yang dimanifestasikan oleh unsur “proses” dalam klausa. Dengan demikian, analisis proses dalam klausa ialah langkah awal yang penting bagi meneliti cara manusia bangkit dan mempersembahkan pengalaman dunia mereka melalui bahasa. Makalah ini bertujuan mengenal pasti dan menghuraikan jenis proses dalam klausa atau ayat Melayu. Pengenalpastian jenis proses berdasarkan pemikiran nahu fungsional yang mengiktiraf bahasa sebagai sistem komunikasi manusia dan memanfaatkan data wacana naratif. Daripada analisis, dikenal pasti dan ditafsirkan tujuh jenis proses utama dalam bahasa Melayu. Terdapat tujuh cara penutur bahasa Melayu bangkit dan mempersembahkan pengalaman dunia mereka melalui penggunaan proses tertentu dalam klausa dan ayat. Proses berkenaan ialah lakuan, keadaan, minda, kewujudan, pertalian, pemerian, dan verbal. Bagi setiap jenis proses itu dihuraikan sifat masing-masing serta contoh penggunaannya dalam wacana.

Kata kunci: proses, klausa, nahu fungsional, wacana, lakuan, minda, keadaan, kewujudan

**Abstract**

*This article proposes a notion that people present their experience of the world through language manifested through a “process” element in clauses. As such, analyzing the process element in clauses is an important first step to analyse how people present their experience of the world through language. For that purpose, this paper identifies and describes the types of process in Malay sentences or clauses. Identification of the types of process is based on the functional grammar framework that recognizes language as a human communication system, and looks at data from narrative discourse. From the analysis, seven types of main processes in Malay were identified. There are seven ways of how Malay language speakers present their experience of the world, using certain processes in clauses and sentences. These are active, situational, mental, existential, relational, descriptive, and verbal processes. The nature of each type of process is described and examples of usage are provided.*

*Keywords: process, clause, functional grammar, active process, mental process, situational process, experiential*

## **PENDAHULUAN**

Manusia bangkit, bertindak, dan mempersembahkan pengalaman dunia mereka dalam kehidupan sehari-hari sebahagiannya melalui bahasa. Bahasa memungkinkan manusia melakukan aktiviti ekonomi, politik, sosial, budaya, agama, dan sebagainya yang melibatkan amalan, antaranya berniaga, berdagang, berpersatuan, berpolitik, bersaing, bersekolah, bermasyarakat, bekerjasama, dan berkasih sayang dengan efisien. Pada hakikatnya, cara manusia bangkit, memodelkan, dan mempersembahkan pengalaman dunia mereka itu dimanifestasikan melalui klausa. Unsur penting klausa dalam mempersembahkan pengalaman dunia penutur ialah PROSES. Dengan jenis proses tertentu, manusia menghasilkan jenis ayat atau ujaran yang tertentu.

Menurut Halliday (1994), pengalaman dunia itu mengandungi “apa yang berlaku”–sedang berlaku, melakukan, menderia, memaknai, sentiasa berlaku dan akan berlaku. Semua ini dapat dicerakinkan melalui nahu klausa. Oleh itu, sebagai modus tindakan, memberi dan meminta barangan, perkhidmatan dan maklumat, klausa juga merupakan modus refleksi yang mengenakan aturan terhadap variasi dan turutan peristiwa yang tidak

berpenghujung. Sistem nahuan yang memungkinkan semua ini berjaya dicapai ialah “transitiviti”. Sistem transitiviti membentuk pengalaman dunia kepada jenis proses yang terurus. Daripada perspektif pengalaman, proses ialah unsur teras klausa yang diluahkan atau direalisasikan melalui kelompok verbal (Thompson, 2004). Proses juga berkaitan dengan “sifat cerita utama”, sama ada tentang lakuan, keadaan, minda, pertalian, kewujudan, atau verbal.<sup>2</sup> Oleh yang demikian, analisis unsur proses dalam klausa merupakan langkah awal yang penting bagi meneliti cara manusia bangkit, memodelkan, bertindak, dan mempersembahkan pengalaman dunia mereka melalui bahasa. Pada masa yang sama dan serentak dengan itu, analisis unsur proses juga merupakan asas yang penting dalam penjenisan ayat dalam sesuatu bahasa. Sehubungan itu, makalah ini berpandangan bahawa untuk meneliti cara manusia bangkit dan mempersembahkan pengalaman dunianya dengan berpada adalah melalui (1) kerangka pemikiran yang mengiktiraf bahasa sebagai sistem komunikasi yang fungsional; dan (2) berasaskan data sebenar, iaitu wacana.

Bagi maksud yang pertama, satu kerangka linguistik yang mengiktiraf bahasa sebagai sistem komunikasi manusia ialah nahu fungsional (Halliday, 1994; Thompson, 2004:1). Bagi Halliday (1994:xiii), nahu fungsional mengambil kira cara bahasa digunakan dan mengiktiraf bahasa sebagai wahana memenuhi keperluan manusia. Menurut Halliday (1994:37) lagi, *“in all languages the clause has the character of a message: it has some form of organization giving it the status of a communicative event”*. Kerangka konseptual nahu ini dibentuk berasaskan kepercayaan bahawa komponen asas makna dalam bahasa diorganisasikan dalam dua dimensi utama, iaitu “ideasional” dan “interpersonal”. Dimensi ideasional berkenaan dengan representasi pengalaman. Mengikut kerangka ini, bahasa ialah sarana bagi manusia memodelkan dan mempersembahkan pengalaman dunia mereka yang dimanifestasikan melalui unsur PROSES dalam klausa atau ayat. Dimensi interpersonal pula berkenaan interaksi dengan manusia lain yang dinamakan sebagai komunikasi. Interaksi atau komunikasi dengan orang lain akan melibatkan tukaran, sama ada “memberi” atau “meminta” (Thompson, 2004). Dua jenis tukaran utama dalam komunikasi ialah tukaran pengetahuan (melibatkan tukaran maklumat), dan tukaran aktiviti (berorientasikan tindakan) (Fairclough, 2003).

Pandangan yang pertama berkait juga dengan pandangan yang kedua, iaitu kajian ini menanggapi bahawa huraian bahasa wajar bermula, memanfaatkan, dan berasaskan wacana. Hal ini dikatakan demikian kerana

wacana ialah unit linguistik yang lebih besar daripada ayat serta merupakan manifestasi penggunaan bahasa sebenar yang sempurna, sejajar dengan pernyataan Chafe (1992) yang menyatakan bahawa wacana membekalkan landasan fokus dan pertemuan bagi semua penyelidikan tentang hakikat bahasa. Kepelbagaian membayangkan kepelbagaian dalam bahasa dan minda manusia. Kepelbagaian itu memberikan cabaran luas terhadap kebekuan linguistik pada perkara yang sempit atau *parochial*.

## PERSOALAN

Dalam menghuraikan jenis ayat dalam bahasa Melayu, nahu bahasa Melayu kini ada yang mengambil kira sebahagian gagasan tersebut, dan ada yang tidak untuk kedua-duanya. Berdasarkan pengamatan terhadap kosa ilmu oleh nahu pegangan,<sup>3</sup> makalah ini melihat dan membahaskan penjenisan ayat bahasa Melayu yang ada kini dari dua sudut, iaitu ASAS HURAIAN dan DATA HURAIAN.

“Asas huraian” bermaksud kerangka yang digunakan dalam menghuraikan jenis ayat, sama ada berasaskan bentuk (struktur), sistem, cerita, pemikiran tentang bahasa, atau sebagainya. Dari sudut asas huraian, terdapat dua titik tolak utama penjenisan ayat Melayu oleh penahu pegangan tersohor, iaitu berasaskan pada “struktur” dan pada “struktur dan cerita”.

Penjenisan ayat berasaskan struktur mengkategorikan ayat mengikut “bilangan klausa” semata-mata. Contoh nahu jenis struktur seperti dalam Nik Safiah *et al.* (1996). Menurut nahu ini, ayat yang terstruktur daripada satu klausa yang lengkap subjek dan predikat dijeniskan sebagai “ayat tunggal”, seperti “Dia membaca akhbar itu”, (hlm. 421). Sebarang ayat tunggal yang dicantumkan dengan ayat tunggal lain dengan unsur kata penghubung tertentu, seperti dan, tetapi, kerana dan lain-lain dijeniskan sebagai “ayat majmuk”, seperti “murid-murid berlari dan bernyanyi” (hlm. 478). Dengan perkataan lain, yang dipentingkan oleh nahu berasaskan struktur dalam penjenisan ayat ialah bilangan klausa dan kata penghubung, tetapi tidak pada “proses”.

Penjenisan ayat berasaskan gabungan struktur dan cerita pula mengkategorikan ayat bukan sahaja mengikut bilangan klausa, malah bersandarkan unsur cerita. Contoh nahu jenis ayat struktur dan cerita ialah Za‘ba (1958) dan Asmah (1986). Bagi Za‘ba (1958:215), ayat ialah “ikatan perkataan yang ada ‘benda’ dan ada ‘cerita’. ‘Benda’ dan ‘cerita’ itulah

tunjang atau teras bagi sebarang ayat”. Za‘ba (1958) mengkategorikan ayat Melayu mengikut bilangan benda dan cerita. Ayat yang terstruktur daripada satu benda dan satu cerita dijeniskan sebagai “ayat selapis”, seperti Burung itu tengah membuat sarang (Za‘ba, 1958:215). Ayat yang terstruktur daripada dua atau lebih ayat selapis yang dirangkaikan oleh sendi kata penambah dinamakan “ayat berlapis” (Za‘ba, 1958:225). Asas jenis cerita pula, ayat Melayu dibahagikan dua, iaitu ayat nama dan ayat perbuatan (Za‘ba, 1958:217).

Asmah (1986:376) pula, dari segi struktur, menamakan “ayat selapis” bagi yang terdiri daripada satu klausa, dan “ayat kompleks” bagi yang terdiri lebih daripada satu klausa. Dari segi cerita, Asmah (1980:359-62) berpendapat bahawa ayat terbina daripada “judul” dan “cerita”. Judul terbina daripada frasa benda, manakala cerita terbina sama ada daripada frasa benda atau frasa karyaan. Maknanya, selain bilangan klausa, Asmah (1986) turut mempertimbangkan unsur cerita sebagai asas pembentukan dan pengkategorian ayat. Selain itu, Asmah (1986:378-87) turut menjeniskan ayat mengikut tujuh sistem, iaitu modalitas, aspek, pertentangan, suara, proses, hubungan peristiwa, dan penggolongan.

“Data huraian” pula bermaksud data yang dimanfaatkan untuk menghuraikan jenis ayat, sama ada data ayat janaan penahu, ayat tunggal, ayat wacana, dan sebagainya. Dari sudut data huraian, penjenisan ayat berasaskan struktur (Nik Safiah *et al*, 1996) memanfaatkan data ayat tunggal janaan penahu sendiri. Hakikatnya, data ayat tunggal janaan sendiri tidak mempertimbangkan bahasa penggunaan sebenar pihak lain, di samping data yang terbatas. Penggunaan data janaan sendiri turut membawa keraguan dari segi nilai dan kaedah saintifik. Yang dimaksudkan kaedah saintifik ialah pengutipan data melalui pemerhatian, pengujian serta bersifat empirik (wikipedia). Dengan demikian penjenisan ayat melalui data tidak saintifik adalah tidak memadai.

Penjenisan ayat berasaskan struktur & cerita (Za‘ba, 1958; Asmah, 1986) agak munasabah kerana memanfaatkan data separa wacana (lihat Azhar, 1993). Data separa wacana merupakan ayat yang disedut daripada wacana sebenar atau data yang dibina wacananya. Sungguhpun begitu, data ayat separa wacana belum memadai bagi memerihalkan gelagat sebenar ayat kerana datanya juga terbatas. Ayat janaan penahu sendiri dan separa wacana terbatas dari segi saiz unit bahasa, iaitu unit ayat sahaja yang dikaji. Wacana lengkap tidak dimanfaatkan.

Mengapa data wacana? Pemerihalan nahu yang berpada wajar memanfaatkan data wacana. Data daripada wacana bukan sahaja lebih

besar korpusnya, malah merupakan data sah. Data ini sah kerana wacana ialah data sebenar pihak lain dan bukan data buatan penahu sendiri. Menurut Azhar (1993), pemanfaatan wacana dalam menghuraikan nahu adalah logik dan munasabah kerana pertama, sintaksis wacana merupakan sebahagian daripada linguistik umum. Linguistik umum ialah sehimpunan ilmu yang mengendalikan beberapa “parameter penjelasan” yang terdapat dalam bahasa. Kedua, penggunaan bahasa bukan bersifat matematik, sebaliknya pada setiap penggunaan bahasa ada tujuan dan sebab digunakan. Ketiga, sesuatu teks atau wacana ialah benda yang ada permulaan dan ada akhirnya. Dengan demikian, huraian ayatnya mengambil kira perkara tersebut.

Longacre (1996) pula menyifatkan bahawa buat masa yang agak lama, linguistik telah dibataskan kepada kajian ayat-ayat terpisah, sama ada ayat yang dipilih secara rapi daripada korpus atau ayat yang direka sendiri yang tidak memperkirakan konteks. Menurut Gregory Bateson (dlm. Azhar 1993:97), manusia berfikir melalui bercerita. Penyata Bateson di atas, pada hemat saya, ingin menekankan bahawa setiap ujaran manusia akan dilahirkan dalam satuan bahasa atau wacana yang lengkap dan bukannya secara tunggal atau terpisah-pisah. Oleh hal yang demikian, sudah sewajarnya huraian tentang ujaran manusia (bahasa) juga diasaskan pada satuan yang lengkap atau yang dinamakan wacana.

Oleh yang demikian, berbanding dengan Nik Safiah *et al.* (1996), usaha Za‘ba (1958) dan Asmah (1986) nampaknya lebih terkehadapan dalam asas huraian jenis ayat mereka, kerana masing-masing mengasaskan penjenisan ayat mereka kepada “cerita”, dan tidak terhenti pada struktur sahaja. Selain itu, Asmah (1986) dan Za‘ba (1958) turut memanfaatkan data separa wacana. Sungguhpun begitu, asas penjenisan ayat seperti yang dikemukakan oleh Asmah (1986) dan Za‘ba (1958) itu dapat diperkemas. Pengemasan boleh dilakukan dengan dua cara: (a) memanfaatkan kerangka pemikiran yang fungsional tentang cara manusia memodelkan pengalaman dunia mereka melalui bahasa untuk berkomunikasi, dan (b) memanfaatkan wacana.

Oleh itu, kajian ini memanfaatkan kerangka teori bahasa yang mempertimbangkan fungsi bahasa sebagai sistem komunikasi manusia (Thompson, 2004) yang dinamai nahu fungsional (rujuk Halliday, 1994) serta mengambil kira kebijakan Za‘ba (1958), Asmah (1986), dan Azhar (1993). Mengikut teori nahu fungsional, manusia membina gambaran minda tentang realiti, untuk memahami apa-apa yang berlaku di sekitar mereka dan di dalam diri mereka yang diserlahkan melalui KLAUSA.


Menurut Halliday (1994:106), “... *the clause plays a central role, because it embodies a general principle for modelling experience – namely, the principle that reality is made up of PROCESSES*”. Berdasarkan perspektif metafungsi ideasional (*experiential*) nahu fungsional, ayat atau klausa mempunyai tiga unsur utama, iaitu “proses”, “pemeran” dan “suasana” (*circumstances*). Yang paling utama ialah pandangan bahawa kefungsian pengalaman dunia manusia direpresentasikan melalui unsur PROSES dalam klausa. Selain itu, kajian ini juga berdasarkan data bahasa sebenar, data lebih besar daripada aras ayat, dan data saintifik, iaitu “wacana”.

Sebagai langkah awal, tujuan makalah ini adalah untuk mengenal pasti, mengklasifikasi, dan menerangkan unsur “proses” dalam klausa bahasa Melayu berasaskan data wacana naratif berpandukan teori nahu fungsional. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini berpandangan, unsur proses ialah kunci atau teras dalam konsep bagaimana dan mengapa manusia bangkit serta bertindak terhadap dunia melalui bahasa melalui klausa.

## **KAEDAH KAJIAN**

Teras kajian ini ialah analisis wacana. Untuk data wacana, sebuah teks naratif dipilih untuk dianalisis dan dihuraikan unsur kenahuan yang dihayati. Teks wacana yang dipilih ialah novel *Sungai Mengalir Lesu* karya Sasterawan Negara A. Samad Said (1997) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Teks naratif kreatif sangat sesuai menjadi data memandangkan dalam penggunaan bahasanya terdapat ujaran atau ayat yang membayangkan penggunaan sebenar, meliputi monolog dan dialog, lengkap maksudnya, selain komprehensif. Di samping itu, naratif berupaya membekalkan bukti bagi sifat minda (Chafe, 1990).

Untuk kajian ini hanya Bab 1 dimanfaatkan. Sebuah bab memenuhi maksud “wacana” kerana butir fikirannya atau ceritanya lengkap. Bab 1 mempunyai 69 perenggan dan 360 ayat. Oleh itu, bilangan klausanya lebih daripada 360. Wacana dianalisis berasaskan struktur atau skemata naratif Maynard (1982). Mengikut Maynard (1982), superstruktur naratif terbina daripada unsur latar, episod (yang terbina daripada peristiwa), dan koda.<sup>4</sup> Superstruktur Bab 1 novel tersebut ditunjukkan dalam Rajah 1.



**Rajah 1** Superstruktur Bab 1 *Sungai Mengalir Lesu* (A Samad Said, 1997).

Selanjutnya, daripada setiap superstruktur, wacana dianalisis pada aras perenggan, ayat, dan klausa. Unit substruktur berkenaan dinomborkan secara sistematik bagi memudahkan pengenalanpastian tempat kehadirannya, misalnya, “1.4a” secara berturutan menandakan unit perenggan, ayat, dan klausa. Kemudian, berpedomankan teori nahu fungsional (Halliday, 1994) (dengan ubah suai), kehadiran setiap unsur “proses” (ditulis besar) dan unsur ayat atau klausa yang lain dikenal pasti dan ditentukan jenis masing-masing berasaskan konteks, nahuan dan pertimbangan akal (Thompson, 2004). Halliday (1994) mencerakinkan klausa asas kepada tiga unsur utama, iaitu PROSES, PEMERAN, dan SUASANA dalam tiga lajur. Berasaskan cerakinan Halliday (1994) itu dan berasaskan sifat data sebenar atau ayat wacana, maka cerakinan klausa atau ayat bagi kajian ini dirincikan lagi dengan menambahkan lajur yang perlu bagi menempatkan unsur yang berkaitan, seperti pelengkap. Jadual 1 ialah contoh cerakinan ayat dan unsur proses, pemeran, dan suasana dilakukan. Ayat contoh itu mempunyai satu proses, iaitu memusingkan, dua pemeran (pemeran pelaku dan pemeran sasaran), dan suasana awal (preposisi atau penanda wacana). Walau bagaimanapun, ayat contoh itu tiada unsur pelengkap dan suasana akhir.



**Jadual 1** Contoh cerakinan ayat wacana dan analisis unsur proses.

UNSUR AYAT	Suasana	Pemeran	Proses	Pemeran	Pemeran/Pelengkap	Suasana
AYAT WACANA	2.5 Dan bila tersendat,	drebar-nya	akan turun MEMUSING-KAN	pedal yang cuba menghangatkan peti wap yang sejuk oleh tikaman hujan itu.		
FUNGSI	Penerang Awal	Pelaku	Lakuan	Sasaran	(Pemanfaat)	

**Jadual 2** Gambaran keseluruhan jenis proses bahasa Melayu.

No.	JENIS PROSES	SIFAT PROSES	CONTOH PROSES
1	Lakuan	- Merepresentasi aksi (fizikal) termasuk metafora	mencari, menunduk, makan, berjalan, dimarahi
2	Minda	- Merepresentasi tindakan minda atau fikiran, seperti persepsi, kognisi, emosi dan keinginan	runsing, marah, mengutuk
3	Keadaan	- Merepresentasi kewujudan	tenggelam, berbaju, koyak, terketar, gelisah
4	Kewujudan	- Mengutarakan kewujudan	ada, entah, bukan, dua
5	Pertalian	- Mempertalikan/ menyamakan dua perkara	rakan, tempat, 16 tahun
6	Perihal	- Memerihal	adalah
7	Verbal	- Mengujar	kata, tambah, bersuara, mengatakan

## “PROSES” DALAM WACANA BAHASA MELAYU

Daripada analisis terhadap data ayat wacana naratif dan berpandukan nahu fungsional maka dikenal pasti dan ditafsirkan tujuh jenis unsur proses bagi bahasa Melayu. Tujuh jenis proses berkenaan dinamakan proses LAKUAN, MINDA, KEADAAN, KEWUJUDAN, PERIHALAN, PERTALIAN,

dan VERBAL.<sup>5</sup> Untuk bangkit, memodelkan, dan mempersembahkan pengalaman dunia, penutur bahasa Melayu melakukannya dengan salah satu unsur proses tersebut. Rumusan tujuh jenis proses tersebut diturunkan dalam Jadual 2.

### **Proses Lakuan**

PROSES LAKUAN ialah proses tindakan yang melibatkan daya fizikal cara penutur bahasa Melayu bangkit, memodel, dan mempersembahkan pengalaman dunianya. Antara proses lakuan yang ditemui digunakan dalam wacana naratif yang diteliti ialah *berjalan*, *melonjak-lonjak*, *memusingkan*, *dimarahi*, *ketawa*, *ternampak*, dan *memaki*. Pengutaraan tindakan juga boleh melibatkan proses lakuan secara metafora (seperti cth. (6) Jadual 3), iaitu kata makan dalam ayat “Tak tahu sungai itu selalu MAKAN orang?”

Pemanfaatan proses lakuan ketika mempersembahkan pengalaman dunia memerlukan penglibatan pemeran pelaku, sama ada tersurat [cth. (1), (2), (5), (6), (7)] atau tersirat [cth. (3) dan (4)]. Pelaku menjadi tersirat apabila tidak dinyatakan dalam klausa berkenaan kerana telah dinyatakan dalam klausa terdahulu. Proses lakuan juga boleh melibatkan pemeran sasaran [cth. (1), (6), (7) Jadual 3] dengan atau tanpa pemanfaat. Misalnya, proses lakuan dalam (1) Jadual 3 ialah “mencari”. Lakuan itu melibatkan pelaku, iaitu “Dalim”, dan pemeran sasaran “Sukon”, manakala dalam (2) proses lakuan “berlari” oleh pelaku “dua tiga orang kanak-kanak” tidak melibatkan pemeran sasaran.

Secara transitiviti, proses lakuan didapati boleh secara ayat aktif [lihat cth. (1) – (6)] dan boleh juga secara ayat pasif [cth. (7)]. Jadual 3 ialah contoh proses lakuan yang digunakan dalam wacana yang dianalisis.

### **Proses Minda**

PROSES MINDA ialah proses menderia yang berkaitan minda, seperti perasaan, kognisi, sikap, dan hasrat yang tidak melibatkan daya fizikal. Melalui proses minda, penutur bahasa Melayu mampu merepresentasikan pengalaman dunia mindanya. Antara proses representasi minda yang ditemui daripada data wacana yang dianalisis ialah *tahu*, *fikir*, *teringat*, *dipendam*, dan *memikirkan*.

**Jadual 3** Contoh ayat atau klausa proses lakuan.

No.	Suasana	Pemeran	Proses	Pemeran	Pelengkap	Suasana
(1)	3.1 Dalam keadaan lesu yang seperti itulah	Dalim	keluar MENCARI	Sukon.		
(2)	2.3a Sese kali	dua tiga orang kanak-kanak	BERLARI			
(3)			2.3b sambil MELONJAK-LONJAK			
(4)			2.3c sambil MENJENGAH		ke sungai yang amat malas itu	
(5)		5.4a Dia	MENUNDUK			
(6)	14.8 “Tak tahu	sungai itu	selalu MAKAN	orang?		
(7)		3.2 Dia	telah DIMARAHI	oleh Tuminah, kakaknya,	supaya jangan ke sungai waktu hujan-hujan begitu.	
		Sasaran	Lakuan	Pelaku		

**Jadual 4** Contoh ayat atau klausa proses minda.

No.	Suasana	Pemeran	Proses	Pemeran	Pelengkap	Suasana
(1)	9.2b Tetapi	Tuminah	tidak sedikit pun kelihatan RUNSING.			
(2)	16.1a Dalim tahu	kakaknya	MARAH.			
(3)	23.8a Dalam hatinya	dia	MENGUTUK	sikapnya yang kurang adil itu.		
		Penderia	Minda	Fenomena		

Pengutaraan representasi minda melibatkan pemeran yang dinamakan “penderia” dengan atau tanpa pemeran kedua yang dinamakan “fenomena”. Penderia ialah pemeran yang merasai atau bertindak secara minda dalam proses berkenaan. Penderia bukan pelaku secara fizikal, misalnya, dalam (1) Jadual 4 klausa 9.2b “tetapi Tuminah tidak sedikit pun kelihatan runsing” proses mindanya ialah *runsing* dengan pemeran penderianya ialah *Tuminah*. Contoh ini tiada unsur fenomena. Contoh fenomena dapat dilihat pada contoh (3). Jadual 4 menurunkan tiga contoh penggunaan proses minda dalam ayat daripada data, iaitu runsing, marah, dan mengutuk.

### **Proses Keadaan**

PROSES KEADAAN ialah penyerlahan representasi pengalaman dunia penutur yang berkaitan keadaan. Antara proses keadaan yang ditemui dalam wacana yang dianalisis ialah tenggelam, kaku, kecut, terlekap, gelisah, dan lain-lain. Dalam merepresentasikan pengalaman dunia melalui klausa atau ayat, pemeran yang berkenaan ialah “pengalam” atau penyerlah keadaan berkaitan, tetapi bukan pelaku. Dengan kata lain, proses keadaan ialah pernyataan keadaan “pengalam”. Ini menunjukkan bahawa yang dipentingkan dalam representasinya ialah “pengalam”. “Pengalam” boleh berupa manusia atau bukan manusia, misalnya, dalam (1) Jadual 5, ayat 1.1 “Pagi itu hujan masih RINTIK-RINTIK” lagi unsur prosesnya ialah *rintik-rintik* dan pemeran pengalamnya ialah *hujan*. Dalam contoh ini, *hujan* ialah penyerlah keadaan. Dalam (2) 4.2a “Seperti biasa dia TIDAK BERBAJU”, pengalamnya ialah *dia*, iaitu yang mengalami keadaan *tidak berbaju*. Proses keadaan tidak mempunyai pemeran kedua. Contoh penggunaan proses keadaan dapat dilihat dalam Jadual 5.

### **Proses Kewujudan**

PROSES KEWUJUDAN ialah representasi pengalaman dunia yang berkaitan kewujudan atau keberadaan. Dalam data wacana naratif yang dianalisis antara proses kewujudan yang ditemui ialah *ada*, *tidak ada*, *tinggal*, *bukan*, *siapa*, *entah*, *mempunyai*, dan lain-lain. Pemeran dalam representasi kewujudan dinamakan “penganjur” yang fungsinya sebagai penganjur kepada proses tersebut, dan bukan sebagai pelaku, misalnya, dalam (3) Jadual 6. Ayat 18.3 “Duit dalam tangan sudah TIDAK ADA”

unsur prosesnya ialah *tidak ada* yang berkaitan kewujudan dengan penganjuranya ialah *duit dalam tangan*. Contoh penggunaan proses kewujudan dapat dilihat dalam Jadual 6.

**Jadual 5** Contoh ayat atau klausa proses keadaan.

No.	Suasana	Pemeran	Proses	Pemeran	Pelengkap	Suasana
(1)	1.1 Pagi itu	hujan	masih RINTIK-RINTIK lagi.			
(2)	4.2a Seperti biasa	dia	tidak BERBAJU			
(3)		9.2a Tuala hijau itu tersangkut	KOYAK			bila ditarik juga kuat-kuat,
(4)	10.8a Lama juga	tikus itu	TERKETAR		lesu	
		Pengalam	Keadaan			

**Jadual 6** Contoh ayat atau klausa proses kewujudan.

No.	Suasana	Pemeran	Proses	Pemeran	Pelengkap	Suasana
(1)		8.3a Rotan	ADA			di sebalik pintu,
(2)	13.1 Minggu itu		sudah DUA nyawa yang tertelan			di jambatan tersebut,
(3)		18.3 Duit dalam tangan	sudah tidak ADA.			
(4)		18.2 Ubi yang dibelinya	sudah TINGGAL cuma seketul dua.			
(5)	35.3a Hari itu	Sukon	ENTAH		ke mana	
		Penganjur	Kewujudan			

## Proses Perihalhan

PROSES PERIHALHAN berkaitan dengan cara penutur bahasa Melayu memerihalkan pengalaman dunianya. Proses perihalhan melibatkan pemeran yang dinamakan penganjur kepada proses dan pemeran kedua yang dinamakan nilai. Nilai ialah mengenai perkara yang diperihalkan. Mungkin kerana sifatnya sebagai genre kreatif, dalam wacana yang dianalisis ini, hanya satu contoh proses perihalhan ditemui, iaitu “adalah”. Contoh penggunaan proses perihalhan diturunkan dalam Jadual 7. Dalam contoh (1) Jadual 7 itu, proses perihalhan tentang pemeran *itu* direpresentasikan melalui *adalah* dengan nilai perihalnya ialah “maklumat-maklumat yang ditaburkan dari B24 dan B29”.

**Jadual 7** Contoh ayat atau klausa proses perihalhan.

No.	Suasana	Pemeran	Proses	Pemeran	Pelengkap	Suasana
(1)	43.6a Mereka tahu	itu	ADALAH	maklumat- maklumat yang ditaburkan dari B24 dan B29,		
		Penganjur	Pemeran	Nilai		

## Proses Pertalian

PROSES PERTALIAN ialah proses penutur mempertalikan atau menyamakan dua unsur pemeran ketika merepresentasi pengalaman dunianya. Pemeran pertama dinamakan penama, pemeran kedua dinamakan identiti. Proses pertalian lazimnya terbina daripada kategori kata “namaan”, misalnya, dalam (1) Jadual 8, ayat 42.1 Tompang baru 16 TAHUN umurnya. “Tompang” ialah pemeran penama, manakala “umurnya” ialah pemeran identiti. Penama dan identitinya dipertalikan atau disamakan oleh unsur proses “baru 16 TAHUN”. Contoh penggunaan proses pertalian dalam ayat wacana ditunjukkan dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Contoh ayat atau klausa proses pertalian.

No.	Suasana	Pemeran	Proses	Pemeran	Pelengkap	Suasana
(1)		42.1 Tompang	baru 16 TAHUN	umurnya.		
(2)	51.8A Baginya	sungai	TEMPAT	mencari rezeki		
(3)	60.3b terutama kerana	anak ini	memang RAKAN baik	Dalim,		
		Penama	Pertalian	Identiti		

### Proses Verbal

PROSES VERBAL ialah proses mengujar. Fungsinya memindahkan mesej melalui bahasa. Antara proses verbal yang ditemui dalam data ialah *kata*, *bersuara*, *tambah*, *sampuk*, *bertanya*, dan *mengatakan*. Pemeran yang terlibat dinamakan pengujar. Kadang-kadang ada juga pemeran penerima ujaran (*addressee*) dan sasaran. Proses verbal melibatkan klausa projeksi serta terhasil dalam bentuk “ajukan” atau “laporan”. Contoh penggunaan proses verbal jenis ajukan diperturunkan dalam Jadual 9a dan 9b. Contoh penggunaan proses verbal jenis laporan ditunjukkan dalam Jadual 9c. Bagi proses verbal jenis ajukan dalam contoh 9a, unsur proses mendahului pemeran, manakala dalam 9b, pemeran mendahului unsur proses.

**Jadual 9a** Contoh ayat proses verbal dengan klausa projeksi jenis ajukan (a).

No.	Klausa Projeksi	Proses	Pemeran	Pemeran	Suasana
(1)	24.1a “Semalam tiga jam dia bom.”	KATA	Giap Hong		
(2)	25.3a “Ini budak-budak pun tak ada rasa,”	TAMBAH-	nya		
(3)	64.1 a “Berapa kali aku kata tak usah datang malam-malam gini,”	KATA	Tuminah sambil merasa-rasa parut di bawah dagunya.		
	Ajukan	Verbal	Pengujar		

**Jadual 9b** Contoh ayat proses verbal dengan klausa projeksi jenis ajukan (b).

No.	Klausa Projeksi	Pemeran	Proses		Suasana
(1)	32.1a “Kita jangan fikir berapa lama.”	Ahmad Jani yang selesai membaca Yasin	BERSUARA		
	Ajukan	Pengujar	Verbal		

**Jadual 9c** Contoh ayat proses verbal dengan klausa projeksi jenis laporan.

No.	Pemeran	Proses	Klausa Projeksi		Suasana
(1)	13.3a Ada orang	MENGATAKAN	dia patah cinta,		
(2)	13.3b dan lebih banyak pula	MENGATAKAN	dia membunuh diri kerana ayah dan ibunya tidak pulang-pulang setelah diangkut oleh sojar (askar) Jepun.		
	Pengujar	Verbal	Laporan		

## KESIMPULAN

Berdasarkan pemikiran nahu fungsional, untuk bangkit, memodelkan, dan mempersembahkan pengalaman dunianya, manusia melaksanakannya melalui unsur proses dalam klausa. Berasaskan pemikiran tersebut serta melalui data wacana, kajian ini mendapati bahawa penutur bahasa Melayu bangkit, memodelkan, dan merepresentasikan pengalaman dunianya sama ada melalui proses lakuan, minda, keadaan, kewujudan, perihalan, pertalian, atau verbal. Masing-masing proses adalah untuk melakukan tindakan, mengutarakan fikiran atau sikap, menyatakan keadaan, kewujudan atau keberadaan, memerihal, berpertalian, dan mengujar.

Dengan mempertimbangkan wacana sebagai suatu wadah yang lengkap dalam merepresentasi pengalaman dunia manusia juga, kajian ini turut mendapati proses lakuan merupakan proses yang paling menonjol (51.9 peratus) dimanfaatkan, diikuti proses keadaan (30.8 peratus), dan minda (10.7 peratus) (lihat lampiran). Dengan kata lain, dalam merepresentasi pengalaman dunia, manusia lebih banyak perlu “melakukan”. Hal ini



mungkin berkaitan dengan lakuan yang boleh merupakan lakuan oleh pelaku sendirian, atau lakuan terhadap orang lain.

Kajian ini juga ingin menyimpulkan bahawa pengenalpastian jenis proses juga merupakan langkah awal meneroka nahu Melayu secara fungsional. Daripada pengenalpastian, pengklasifikasian, suasana, dan penjelasan jenis unsur proses, kemudian tujuan lain, misalnya pengkategorian ayat boleh dicapai. Pengkategorian ayat mengikut jenis proses pula misalnya, membantu dalam penjelasan proses sosial dalam bidang analisis wacana kritis. Pendek kata, analisis ini menunjukkan bahawa linguistik yang digembleng berasaskan data sebenar dan saintifik – wacana, serta berpandukan teori nahu yang fungsional memungkinkan huraian tentang nahu lebih berpada kerana mempertimbangkan bahasa sebagai sesuatu yang fungsional dalam kehidupan manusia.

## NOTA

- 1 Makalah ini dijana daripada projek penyelidikan FRGS (Fundamental Research Grant Scheme) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kod UKM-SK-05-FRGS0073-2010 berjudul “Penjenisan Semula Ayat Melayu Berdasarkan Analisis Wacana dan Teori Nahu Fungsional”. Sebahagian besar perbincangan telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu anjuran Universiti Putra Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Kementerian Penerangan, Kebudayaan, dan Komunikasi pada 9-10 November 2011 di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.
- 2 Secara perbandingan, konsep “proses” dalam huraian kenahuan ini mungkin berkaitan dengan konsep “kata kerja utama” (istilah Asmah (1986) atau “cerita” (istilah Za’ba (1958) dalam klausa. Bagi bahasa Inggeris misalnya, pola pengalaman berkenaan dapat dipersembahkan sama ada secara proses material, mental, perlakuan, pertalian, kewujudan, dan verbal (Halliday 1994).
- 3 Ulasan ini menjurus kepada nahu pegangan sahaja. Berdasarkan maklumat, Za’ba (1958) dan Asmah (1986) ialah buku nahu Melayu yang pernah memperoleh status nahu pegangan, manakala Nik Safiah *et al.* (1996) ialah buku nahu pegangan semasa.
- 4 Maynard (1982) meneliti cerita rakyat Jepun.
- 5 Perlu dinyatakan bahawa kadang-kadang memang agak sukar untuk membezakan antara proses lakuan dengan keadaan. Jadi analisis yang teliti dan berhati-hati diperlukan.

**RUJUKAN**

- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M. Simin, 1993. *Sintaksis Wacana “Yang” dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chafe, W., 1992. “Discourse: An Overview” dlm. Bright, W. *et al* (eds.). *International Encyclopedia of Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Chafe, W., 1990. “Some Things that Narratives Tell Us about the Mind” dlm. B. Britton & A. Pellegrini (eds.). *Narrative Thought and Narrative Language*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Fairclough, N., 2003. *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London and New York: Routledge.
- Halliday, M.A.K. 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. Second edition. London: Arnold.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood, 1996. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Labov, W. & Waletzky, 1997. “Narrative Analysis: Oral Versions of Personal Experience. Special Issue on Oral Versions of Personal Experience: Three Decades of Narrative Analysis” dlm. *Journal of Narrative and Live History* 7. 3-38.
- Maynard, S.K. 1982. “Hiroshima Folktales: Text-typology from the Perspective of Structure and Discourse Modality” dlm. *Text* 2(4): 375-93.
- Thompson, G., 2004. *Introducing Functional Grammar*. London: Arnold.
- Za’ba (Zainal Abidin b. Ahmad). 1958. *Pelita Bahasa Melayu I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wikipedia.org/wiki/Scientific\_research. Scientific method [7 Nov 2008].

**LAMPIRAN****Taburan Jenis Proses Bab 1 Sungai Mengalir Lesu Mengikut Superstruktur**

Proses	La- tar (P1- P2)	Episod (P3-P59)				Koda (P60- P69)	J	%
		Peristiwa 1	Peristiwa 2	Peristiwa 3	Peristiwa 4			
Lakuan	6	63	23	68	84	22	266	51.9
Keadaan	7	38	9	61	20	23	158	30.8
Minda	-	4	5	17	13	16	55	10.7
Kewujudan	-	5	7	6	8	2	28	5.4
Perihal	-	-	-	1	-	-	1	0.1
Pertalian	-	1	-	-	2	1	4	0.7
Verbal*	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	13	111	46	153	129	68	512	100

\* Tidak dijumlahkan kerana tabiinya berbeza daripada jenis proses yang lain.